



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PERASMIAN PEJABAT PTPTN CAWANGAN TAIPING KOMITMEN PTPTN BERI PERKHIDMATAN TERBAIK

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) hari ini merasmikan satu lagi Pejabat PTPTN Cawangan yang merupakan cawangan ketiga dirasmikan dengan penjenamaan baharu PTPTN. Melalui perasmian ini, akan mengukuhkan lagi identiti korporat dan meningkatkan keyakinan masyarakat kepada PTPTN dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan PTPTN.
2. Majlis perasmian Pejabat PTPTN Cawangan Taiping telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN. Turut hadir YB Dato' Salbiah Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Perak, YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN, Encik Andi Nurali Mohamed, Pengarah Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Perak dan Pengurusan PTPTN.
3. Pada majlis yang sama, PTPTN telah menyampaikan hadiah kepada lima (5) pemenang Kempen Cabutan Jom Bayar PTPTN bagi Negeri Perak yang telah diadakan sempena Hari Mesra Pelanggan dengan jumlah keseluruhan RM5,000. Kempen yang telah berlangsung pada Disember 2023 lalu menawarkan hadiah tunai keseluruhan berjumlah RM70,000 kepada 140 pemenang dalam bentuk akaun Simpan SSPN. Kempen ini diadakan sebagai promosi untuk meningkatkan kesedaran peminjam membuat bayaran balik pinjaman mereka.
4. Selain itu, PTPTN turut memberikan sumbangan zakat berjumlah RM10,000.00 kepada 100 orang pelajar asnaf di Mukim Batu Kurau dan Kariah Masjid Jamek Kamunting. Setiap seorang akan menerima RM100.00 dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime. Diharapkan sumbangan ini dapat menggalakkan ibu bapa untuk membuat penabungan dari awal usia anak-anak bagi tujuan pendidikan tinggi dan secara tidak langsung meningkatkan motivasi para pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh.

5. Pengerusi PTPTN, YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim ketika ucapannya berkata, “Dalam memastikan identiti korporat PTPTN terus disegani dan kepercayaan yang kukuh serta imej yang positif, PTPTN telah melaksanakan penjenamaan (*rebranding*) secara berperingkat bermula tahun 2020. Alhamdulillah, pelbagai penambahbaikan telah dan sedang dilaksanakan secara menyeluruh, antaranya merangkumi operasi, identiti produk dan imej seluruh cawangan PTPTN.”

6. “Saya optimis dengan perasmian cawangan ini, dapat mengukuhkan lagi identiti korporat dan meningkatkan keyakinan masyarakat kepada PTPTN. Justeru, kepada seluruh masyarakat negeri Perak, boleh hadir ke Cawangan Taiping bagi mendapatkan pelbagai perkhidmatan yang disediakan dan menikmati kemudahan pejabat yang lebih selesa dan kondusif,” tambah beliau lagi.

7. Mulai tahun 2012, PTPTN telah menubuhkan Pejabat PTPTN Negeri dan Cawangan di seluruh negara untuk memastikan PTPTN sentiasa dekat dengan pelanggan dalam memberikan perkhidmatan terbaik. Atas komitmen inilah, sebanyak 58 Pejabat PTPTN Negeri dan Cawangan telah beroperasi sehingga kini di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Ini termasuklah, Pejabat PTPTN Negeri (PPN) Perak yang beroperasi pada Julai 2012 di Ipoh, Perak, yang merupakan antara PPN terawal ditubuhkan. Selain itu, terdapat tiga (3) Pejabat PTPTN Cawangan (PPC) di Perak iaitu Cawangan Manjung dan Cawangan Taiping yang mula beroperasi pada April 2015 serta Cawangan Teluk Intan yang mula beroperasi pada Oktober 2015.

8. Sejak tahun 2010, kerajaan Negeri Perak telah memberikan insentif kelahiran anak Perak (TASPEN) berjumlah RM200.00 seorang dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime. Sehingga 31 Disember 2023, seramai 31,271 kelahiran telah menerima manfaat ini dengan peruntukan berjumlah RM6.25 juta. Justeru itu, PTPTN mengucapkan terima kasih atas inisiatif ini bagi tujuan pendidikan tinggi anak-anak Perak.

9. PTPTN sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan terus komited membawa perubahan dan transformasi seiring keperluan semasa dan membuka peluang kejayaan kepada semua selari dengan moto PTPTN iaitu Peluang Kejayaan Anda.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
23 Januari 2024